

'Jahil, dangkal ilmu punca belia mudah terpengaruh'

PM gesa generasi muda pupuk budaya minat membaca, perluas pengetahuan

Oleh Rosman Shamsudin
bhnews@bh.com.my

Tanjung Malim: Datuk Seri Anwar Ibrahim mengingatkan, kejahilan atau kedangkalan ilmu, terutama dalam kalangan generasi muda memungkinkan mereka dihasut dengan mudah oleh pihak yang mempunyai kepentingan tertentu.

Disebabkan cetek ilmu, Perdana Menteri berkata, ada di antara mereka akan menerima apa sahaja pandangan dibawa pihak tertentu, seterusnya terperangkap dalam pemikiran jumud itu.

"Ilmu kita sedikit, orang kata kalau tak buat ini masuk neraka, kita pun tanya betul ke? Kerana ilmu kita terlalu dangkal, mahu menyoal tambah tak berani, jadi akhirnya kita terperangkap dalam pemikiran kolot dan jumud serta menghukum orang lain secara semberono," katanya.

Beliau berucap demikian di hadapan kira-kira 5,000 mahasiswa Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) ketika merasmikan Anugerah Buku Negara 2023, semalam dan turut meluluskan peruntukan RM250,000 kepada Yayasan Pembangunan Buku Negara (YPBN).

Turut hadir, Menteri Besar Perak, Datuk Seri Saarani Mohamad; Menteri Pendidikan Tinggi,



Anwar menyampaikan Anugerah Buku Negara kepada Mohd Zuki sambil diperhatikan Saarani (kiri), Zambrzy (kanan) dan Amirudin di Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjung Malim, semalam.

(Foto BERNAMA)

Datuk Seri Dr Zambrzy Abdul Kadir dan Pengerusi Lembaga Pengelola YPBN, Tan Sri Prof Dr Abdul Latiff Abu Bakar.

Untuk menambah ilmu pengetahuan, terutama dalam kalangan mahasiswa dan generasi muda, Perdana Menteri berkata, mereka harus menyemai tabiat membaca buku bagi meningkatkan dan menguasai ilmu, termasuk perkembangan ilmu baharu.

"Baliklah dengan pesanan ini, budaya kita, budaya Melayu itu sendiri, tamadun kita, hanya berkembang dengan kekuatan ilmu. Mahu maju, mahu jadikan negara ini negara MADANI, tingkatkan ilmu.

"Bersaing dengan negara lain, dengan semangat membaca untuk menambah ilmu, Malaysia akan berubah wajah sebagai negara hebat," kata Anwar, bimbang dengan budaya generasi masa kini yang mudah terpuakau dengan kupasan idea secara ring-

kas dan tidak lengkap di media sosial.

Beliau berkata, sesuatu idea atau isu seperti ekonomi, dasar negara dan idealisme perjuangan perlu dikupas secara mendalam dan memerlukan banyak pandangan kompleks untuk dirumuskan, mengambil kira konsep al-Kuliyah.

"Konsep 'Kuliyah' itu perlu, ilmu perlu dikuasai sedalam dan seluasnya, bukan hanya kupasan beberapa minit di media sosial dan dirumuskan dalam satu tazkirah dalam Tik Tok yang selama seminit dua sahaja," katanya.

Bina blok kediaman baharu

Dalam sesi "Temu Anwar" bersama pelajar UPSI kemudian, Perdana Menteri yang juga Menteri Kewangan mengumumkan peruntukan RM25 juta untuk membina 18 blok tambahan kolej kediaman pelajar universiti berkenaan yang diarah diluluskan

sebelum akhir tahun ini juga.

"Kediaman yang ada hanya boleh menampung 7,804 orang, iaitu 36 peratus daripada lebih 31,000 pelajar di sini. Ini kadar terendah berbanding IPTA (institusi pengajian tinggi awam) seluruh negara, di IPTA lain 60 peratus.

"Bila saya dengar maklumat ini, langkah segera perlu diambil. Untuk tambah kapasiti kolej kediaman, belanjanya saya luluskan RM25 juta. Projek akan dilaksanakan di bawah Unit Kerjasama Awam Swasta (UKAS) Jabatan Perdana Menteri," katanya disambut tepukan gemuruh warga UPSI.

Terdahulu, Zambrzy yang melakukan lawatan kerja ke Kolej Kediaman Ungku Omar di UPSI pada Sabtu lalu, berkata kementerianya akan berbincang dengan institusi pendidikan tinggi seluruh negara untuk mengenal pasti universiti yang perlu penyelesaian berkaitan masalah kediaman pelajar.